



**PANDUAN RINGKAS
E-PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN
(UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA)**

(Panduan untuk Tenaga Pengajar)

DISEDIAKAN OLEH:

**Bahagian Dasar dan Kecemerlangan Akademik
dengan kerjasama**

Bahagian Jaminan Kualiti Akademik dan Akreditasi

Pusat Jaminan Kualiti, Dasar dan Kecemerlangan Akademik (QAPEX)

Universiti Sains Islam Malaysia

(14 April 2020)

ISI KANDUNGAN

	Muka surat
1.0 Pengenalan	1
2.0 E-Pembelajaran dan Pengajaran Secara Atas Talian	2
2.1 Kepentingan e-Pembelajaran dan Pengajaran Atas Talian	2
2.2 Infrastruktur e-Pembelajaran di USIM	3
3.0 Panduan Pengiraan Jam Pertemuan Pelajar (SLT) dan Penetaraan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran	4
3.1 Panduan Penetaraan Jam Pertemuan Pelajar (SLT) bagi Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran	4
3.2 Panduan Penetaraan Jam Pertemuan Pelajar (SLT) bagi Kaedah Penilaian dan Pentaksiran dalam Pengajaran dan Pembelajaran	5
4.0 Pelaksanaan dan Penilaian Latihan Amali, SULAM (Service Learning Malaysia – University for Society) dan Kokurikulum	7
4.1 Pelaksanaan dan Penilaian Latihan Amali	7
4.2 Pelaksanaan dan Penilaian Aktiviti SULAM (Service Learning Malaysia – University for Society)	7
4.2.1 Aktiviti SULAM Secara Atas Talian (e-SULAM)	
4.3 Pelaksanaan dan Penilaian Aktiviti Kokurikulum	8
5.0 Peperiksaan Akhir Secara Atas Talian dan Pelaksanaannya	9
5.1 Tanggungjawab Fakulti/Pusat/Institut dan Tenaga Pengajar	9
5.2 Tanggungjawab Pelajar	11
5.3 Proses Pentaksiran Soalan Peperiksaan Akhir	12
5.4 Pelaksanaan Peperiksaan Akhir Secara Atas Talian	13
6.0 Rekod Kehadiran Pelajar	13
7.0 Penutup	14
8.0 Rujukan	15
9.0 Lampiran	
Lampiran A: Perancangan dan Penetaraan Pengajaran dan Pembelajaran Secara Atas Talian	16
Lampiran B: <i>Basic Protective Measures Against the New Coronavirus</i>	19
Lampiran C: Borang Maklumat Kaedah Pelaksanaan Penilaian/Peperiksaan Akhir	20
Lampiran D: Jadual Spesifikasi Ujian	21
Lampiran E: Surat Aku Janji Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia	24
Lampiran F: Garis Panduan e-Pembelajaran untuk Pelajar	25
Lampiran G: Borang Perjanjian Kerahsiaan Semasa Mentaksir Soalan Peperiksaan Akhir Secara Atas Talian USIM	26

Lampiran H:	Borang Pentaksiran Soalan Peperiksaan Akhir	27
Lampiran I	Keratan Panduan Pengendalian Program Pendidikan Perubatan (Ijazah Asas) Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19 bertarikh 6 April 2020	29
Lampiran J:	Keratan Nota Khas MAPS #2-2020: Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran serta Penilaian bagi Program Senibina dan Rekabentuk Dalaman di Institusi Pengajian Tinggi dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Sempena Penularan Wabak COVID-19 bertarikh 26 Mac 2020	31

1.0 PENGENALAN

Pada 16 Mac 2020, Perdana Menteri Malaysia telah mengumumkan penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula 18 Mac 2020 bagi mengelakkan penularan wabak pandemik COVID-19. Pengumuman terkini yang dibuat pada 23 April 2020 menunjukkan bahawa tempoh PKP dilanjutkan lagi sehingga 12 Mei 2020.

Penguatkuasaan PKP telah menyebabkan perubahan drastik dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran (P&P) daripada kelaziman. Ini termasuk pindaan terhadap kaedah penyampaian, aktiviti P&P, kaedah penilaian dan pentaksiran serta pelaksanaan peperiksaan akhir semester bagi mencapai hasil pembelajaran (*learning outcomes*) yang telah digariskan dan kaedah perekodan kehadiran pelajar.

Penguatkuasaan PKP juga telah mengakibatkan P&P secara bersemuka terpaksa dihentikan dan takwim akademik Semester II, Sesi Akademik 2019/2020 dipinda bagi memastikan pelaksanaan P&P berjalan lancar sehingga tamat semester. Pada masa yang sama, tenaga pengajar di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) amnya dan USIM khususnya harus meneruskan sesi P&P dengan memastikan hasil pembelajaran yang telah ditetapkan dipatuhi, berdasarkan beberapa kelonggaran sebagaimana digariskan oleh pihak MQA dan badan-badan profesional.

Justeru, bagi memastikan kelincinan pelaksanaan e-pembelajaran dan pengajaran dalam tempoh dan pasca PKP, maka panduan ringkas serta mudah difahami amat diperlukan sebagai panduan terhadap pelaksanaan P&P secara atas talian yang baik. Panduan ringkas ini perlu dibaca dan difahami bersama dengan garis panduan yang telah diluluskan di peringkat Universiti sebelum ini.

Berdasarkan keadaan penularan wabak COVID-19 yang sukar untuk diramal, adalah dijangkakan bahawa tempoh PKP di Malaysia akan dilanjutkan bagi memastikan penularan wabak tersebut benar-benar terkawal. Walaupun IPT telah diarahkan untuk ditutup dalam tempoh tersebut, namun pelaksanaan P&P harus diteruskan kerana ia melibatkan masa depan bakal graduan, keperluan pensejajaran konstruktif berdasarkan *Outcome-Based Education* (OBE), keperluan Standard Program yang dikeluarkan oleh MQA dan keperluan badan profesional.

Objektif utama panduan ringkas ini dibangunkan adalah **untuk memberi panduan bagi membantu Universiti dan warganya dalam hal menjaga kualiti pengajaran dan pembelajaran (P&P) khususnya sekiranya pelaksanaannya perlu dilakukan sepenuhnya secara atas talian di sepanjang tempoh dan pasca PKP bagi membendung penularan wabak COVID-19.**

Bagi mencapai objektifnya, panduan ringkas ini telah diseajarkan bersama arahan dan panduan yang telah dikeluarkan dari semasa ke semasa oleh pihak Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), Kementerian Pengajian Tinggi (KPT), Agensi Kelayakan Malaysia (MQA), badan-badan profesional dan pelbagai Pusat Tanggungjawab di USIM. Panduan ringkas ini juga perlu dibaca dan difahami bersama Garis Panduan Pelaksanaan e-Pembelajaran - Menggantikan Mod Bersemuka (*Face-to-Face*), bertarikh 16 Mac 2020, yang telah disediakan oleh System Development and Engineering Centre (SDEC) dan Pejabat Ketua Pegawai Maklumat (CIO) USIM.

Secara umumnya, panduan ringkas ini terbahagi kepada beberapa bahagian yang merangkumi aspek-aspek berikut:

- Jenis-jenis e-pembelajaran dan kemudahan berkaitan yang terdapat di USIM;
- Aktiviti, penilaian dan pengiraan Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time - SLT*) yang sejajar antara P&P konvensional dan secara atas talian;
- Pelaksanaan dan penilaian aktiviti P&P seperti latihan amali, SULAM dan kokurikulum;
- Pelaksanaan peperiksaan akhir secara atas talian, pensetaraannya dengan penilaian berterusan dan hal-hal yang berkaitan.

Panduan ringkas ini telah mendapat kelulusan Senat Universiti pada 29 April 2020. Adalah diharapkan, melalui panduan ringkas ini, tenaga pengajar dapat merekabentuk kursus secara kreatif, tanpa melibatkan perubahan dalam jumlah Jam Pembelajaran Pelajar (*Student Learning Time - SLT*) dan Hasil Pembelajaran Kursus (*Course Learning Outcomes - CLO*).

2.0 E-PEMBELAJARAN DAN PENGAJARAN SECARA ATAS TALIAN

2.1 Kepentingan e-Pembelajaran dan Pengajaran Atas Talian

E-pembelajaran dan pengajaran secara atas talian kian mendapat perhatian di seluruh dunia kerana ia mampu menjadikan persekitaran pengajaran dan pembelajaran lebih fleksibel dan menarik seiring dengan corak pembelajaran serta gaya hidup masa kini yang banyak bergantung kepada teknologi berkomputer bagi tujuan komunikasi.

Penggunaan teknologi dalam pendidikan juga telah mengubah landskap pendidikan di mana ia membolehkan P&P dijalankan melangkaui ruang fizikal makmal, bilik tutorial dan dewan kuliah, lebih bersifat global, sepanjang hayat dan akses dapat dilakukan pada bila-bila masa dan di mana sahaja.

Justeru, penggunaan teknologi dalam pendidikan amat penting, terutama dalam situasi kritikal di mana pembelajaran secara bersemuka tidak dapat dijalankan. Secara umumnya, e-pembelajaran dan pengajaran secara atas talian terbahagi kepada dua bahagian utama dengan perincian seperti berikut (Jadual 1):

JADUAL 1: Jenis dan Perincian Kaedah e-Pembelajaran dan Pengajaran Secara Atas Talian

Perincian	Pengajaran dan Pembelajaran Segerak (<i>Synchronous</i>)	Pengajaran dan Pembelajaran Tidak Segerak (<i>Asynchronous</i>)
Definisi	Berlaku pada masa sebenar (<i>real-time</i>). Pengajar dan pelajar boleh berkomunikasi dan bertemu secara maya pada masa yang sama, walaupun ketika berada di lokasi yang berlainan.	Tidak berlaku pada masa sebenar (<i>real-time</i>). Komunikasi di antara pengajar dan pelajar boleh berlaku pada masa yang berbeza.
Kelebihan	Komunikasi berlaku secara langsung. Segala persoalan dapat dijawab secara spontan dan tidak tertangguh.	Komunikasi boleh berlaku mengikut kesesuaian masa pengajar dan pelajar. Komunikasi juga boleh berlaku walaupun dalam situasi capaian internet yang kurang baik.
Kekurangan	Memerlukan capaian internet yang baik agar perkara yang ingin disampaikan jelas maksudnya.	Respon kepada persoalan dan kemusyikilan mungkin tidak dapat diperolehi secara spontan.
Contoh aplikasi yang boleh digunakan	 Google Hangouts Meet  Zoom  Microsoft Teams  YouTube Live  Facebook Live	 GLOBAL OPEN ACCESS LEARNING SYSTEM  Google Classroom  YouTube  WhatsApp  Telegram


Perincian	Pengajaran dan Pembelajaran Segerak (<i>Synchronous</i>)	Pengajaran dan Pembelajaran Tidak Segerak (<i>Asynchronous</i>)
Contoh aktiviti P&P	i. Telesidang ii. Strim langsung iii. <i>Flashcards</i> iv. Forum v. <i>Chat</i>	i. Muatnaik bahan pembelajaran ii. <i>Flashcards</i> iii. Forum iv. <i>Chat</i>
Contoh penilaian P&P	i. <i>Jigsaw puzzle</i> ii. Ujian iii. Kuiz iv. Tugasan v. Projek vi. Pembentangan berkumpulan	i. <i>Jigsaw puzzle</i> ii. Ujian iii. Kuiz iv. Tugasan v. Projek vi. Pembentangan individu

Rujukan:

Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Secara Dalam Talian. (2020) Universiti Malaysia Perlis

2.2 Infrastruktur e-Pembelajaran di USIM

Berikut merupakan infrastruktur e-pembelajaran di USIM, yang diselenggarakan oleh System Development and Engineering Centre (SDEC):



3.0 PANDUAN PENGIRAAN JAM PERTEMUAN PELAJAR (SLT) DAN PENSETARAAN KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

3.1 Panduan Pensetaraan Jam Pertemuan Pelajar (SLT) bagi Aktiviti Pengajaran dan Pembelajaran

Penguatkuasaan PKP telah menyebabkan perubahan drastik dalam pelaksanaan P&P daripada kelaziman. Walaupun kaedah penyampaian, aktiviti P&P, kaedah penilaian dan pentaksiran mungkin harus dipinda bagi mencapai hasil pembelajaran (*learning outcomes*) yang telah ditetapkan dalam maklumat kursus, ianya tidak seharusnya menjelaskan jumlah jam pertemuan pelajar (SLT). Ini kerana jumlah SLT memberi maklumat dan panduan berkenaan fokus kursus terhadap sesuatu hasil pembelajaran dan digunakan dalam penentuan kredit kursus.

Bagi memudahkan SLT aktiviti P&P secara bersemuka (konvensional) disetarakan dengan aktiviti P&P secara atas talian, Jadual 2 berikut boleh digunakan sebagai panduan.

JADUAL 2: Panduan Pengiraan Jam Pembelajaran Pelajar (SLT) bagi Beberapa Contoh Aktiviti P&P Atas Talian

Contoh Aktiviti	Pensetaraan SLT Aktiviti P&P Secara Bersemuka dengan Atas Talian	Contoh Pensetaraan SLT
a) Interaksi atas talian secara segerak Contoh: Kuliah, tutorial, perbincangan dalam kumpulan, aktiviti berkumpulan dan pembentangan secara individu/berkumpulan	Bersamaan tempoh perjumpaan bersemuka	60 minit kuliah/interaksi secara bersemuka bersamaan 60 minit kuliah/interaksi atas talian secara segerak
b) Interaksi atas talian secara tidak segerak Contoh: Rakaman video, video informatik, rakaman audio yang disediakan terlebih dahulu dan dimuatnaik oleh tenaga pengajar	40% pelaksanaan SLT dalam talian secara tidak segerak adalah bersamaan dengan 100% SLT perjumpaan bersemuka	25 minit rakaman video secara tidak segerak bersamaan 60 minit kuliah bersemuka
c) Mentelaah bahan bacaan dalam talian Contoh: Nota kuliah, bahan kuliah, bahan bacaan di laman sesawang	1 muka surat atau 1 paparan skrin bersamaan dengan 5 minit SLT secara bersemuka	12 muka surat nota kuliah digital bersamaan 60 minit SLT secara bersemuka

Rujukan:

Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Secara Dalam Talian. (2020) Universiti Malaysia Perlis

Merujuk kepada garis panduan E-Learning Guidelines for Malaysian HEIs yang diterbitkan oleh Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia pada tahun 2014 dan berpandukan Jadual 2, bagi memastikan aktiviti P&P berkesan, tenaga pengajar disarankan untuk menghadkan interaksi atas talian kepada ± 25 minit sahaja. Jumlah masa ini adalah ~40% daripada SLT asal (secara bersemuka).

Oleh yang demikian, baki SLT perlu digantikan dengan aktiviti atas talian lain (contoh: rakaman video atau bahan bacaan yang dimuatnaik), bagi menampung kekurangannya. Secara umumnya, aktiviti P&P yang ideal boleh dicapai sekiranya keseluruhan SLT secara atas talian adalah sekurang-kurangnya 70% daripada SLT secara bersemuka.

Dengan merujuk kepada Jadual 2, pengiraan SLT dan pensetaraan bagi keadaan yang diterangkan di atas dapat diperincikan melalui contoh aktiviti-aktiviti P&P seperti berikut:

Aktiviti P&P Secara Bersemuka	Aktiviti P&P Secara Atas Talian	Pensetaraan (%)
1 jam kuliah bersemuka	i. 20 minit perbincangan berkumpulan melalui telesidang segerak ii. 4 mukasurat paparan skrin bahan bacaan yang dimuatnaik dalam platform secara tidak segerak	i. $20/60 \text{ min} \times 100 = 35\%$ ii. $20/60 \text{ minit} \times 100 = 35\%$ (i) + (ii) = 70% (jumlah ini menepati keperluan pensetaraan bagi aktiviti P&P secara atas talian dengan bersemuka)

3.2 Panduan Pensetaraan Jam Pertemuan Pelajar (SLT) bagi Kaedah Penilaian dan Pentaksiran dalam Pengajaran dan Pembelajaran

Dalam situasi kritikal di mana peperiksaan akhir secara bersemuka tidak dapat dijalankan dan ingin digantikan dengan kaedah penilaian secara berterusan atas talian, Jadual 3 berikut dapat digunakan sebagai panduan bagi pensetaraan kaedah penilaian di antara kedua-duanya.

JADUAL 3: Panduan Pengiraan SLT bagi Beberapa Contoh Penilaian Secara Berterusan

Kategori Segerak					
Bil.	Contoh Penilaian	Masa Aktiviti (a)	Masa Persediaan (b)	Jumlah SLT (a) + (b)	Catatan
1.	Kuiz dan ujian dalam talian	25 minit - 1 jam	3-4 jam	4-5 jam	-
2.	Soalan pelbagai pilihan (MCQ)	1 jam	3 jam	4 jam	-
3.	Sesi pembentangan dalam talian (Contoh: Poster/laporan dan lain-lain)	0.5 jam	3-4 jam	3.5-4.5 jam	-
4.	Perbincangan dalam talian (Contoh: Perbincangan kumpulan kecil/ individu dan lain-lain)	1 jam	1-3 jam	2-4 jam	-
5.	Peperiksaan lisan dalam talian (Contoh: Temuduga/pembentangan lisan/ pembentangan kemajuan dan lain-lain)	1 jam	3 jam	4 jam	-
6.	Kolaborasi pembelajaran (Contoh: <i>Problem-based learning</i>)	1 jam	1-2 jam	2-3 jam	-
7.	Bahan paparan skrin	18 slaid = 1.5 jam	1-2 jam	2.5-3.5 jam	5 minit setiap 1 slaid

Kategori Tidak Segerak					
Bil.	Contoh Penilaian	Masa Aktiviti (a)	Masa Persediaan (b)	Jumlah SLT (a) + (b)	Catatan
8.	Ringkasan kajian kes	-	3 jam	3 jam	3 jam per kes
9.	Tugasan bertulis (500 patah perkataan)	-	2.5 jam	2.5 jam	(500/1000 x 5 jam)
10.	Tugasan bertulis individu/berkumpulan (1000 patah perkataan) (Contoh: laporan makmal, laporan kes, karangan refleksi, karangan jurnal, peta konsep)	-	5 jam	5 jam	-
11.	Tugasan bertulis (1200 patah perkataan)	-	6 jam	6 jam	(1200/1000 x 5 jam)
12.	Tugasan bertulis (2000 patah perkataan)	-	10-12 jam	10-12 jam	30 minit per muka surat
13.	Aktiviti berdasarkan media • Tugasan projek (rakaman video) • Tugasan projek laporan makmal/laporan kemajuan/kajian kes/multimedia kreatif/simulasi berdasarkan penyelesaian masalah (rakaman video)	10 minit video x 2 = 20 minit	1-2 jam	1 jam 20 minit - 2 jam 20 minit	-

Rujukan:

- 1) E-Learning Guidelines for Malaysian HEIs. (2014) Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
- 2) Online Teaching and Learning Guideline During COVID-19 Pandemic. (2020) Universiti Malaya.
- 3) USM Online Assessment Guidelines for Remote Teaching. (2020) Universiti Sains Malaysia.

Namun, bagi program peringkat Ijazah Pertama/Sarjana Muda/Bachelor dan peringkat Sarjana/Master dalam bidang kaunseling serta peringkat Sarjana/Master kaunseling dengan bidang tumpuan utama, panduan sebagaimana terkandung dalam Perkara 4, Nota Khas Lembaga Kaunselor (Malaysia) Bil. 1-2020: Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Sejarah dengan Perintah Kawalan Pergerakan – Krisis Wabak COVID-19 (2020) adalah terpakai.

Kursus-kursus bertaraf Wajib Program bagi program pengajian yang tertakluk kepada akreditasi oleh pihak Lembaga Kaunselor Malaysia, yang mempunyai nilai jam kredit 3 (SLT ~120), **42 jam SLT harus diperuntukkan bagi pembelajaran bersemuka manakala selebihnya (~78 jam SLT) diberikan kelonggaran** untuk menggunakan kaedah-kaedah lain yang bersesuaian.

Bagi memastikan kualiti P&P dilaksanakan dengan sempurna dalam keadaan negara berdepan dengan krisis wabak COVID-19 ini, pihak Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM boleh menggunakan budi bicara untuk memberikan ruang dan membenarkan penambahan masa kepada aktiviti P&P pasca PKP.

Sebarang pensetaraan yang dilakukan terhadap penyampaian, aktiviti serta penilaian dan pentaksiran P&P mesti direkodkan dalam dokumen **Perancangan dan Pensetaraan Pengajaran dan Pembelajaran Secara Atas Talian (Lampiran A)**.

4.0 PELAKSANAAN DAN PENILAIAN LATIHAN AMALI, SULAM (*Service Learning Malaysia – University for Society*) dan Kokurikulum

4.1 Pelaksanaan dan Penilaian Latihan Amali

Latihan Amali wujud sama ada sebagai satu kursus berasingan (*stand alone*) atau terbenam (*embedded*) sebagai komponen pelengkap bagi kursus induk.

Merujuk kepada Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19 (2020) oleh pihak Agensi Kelayakan Malaysia, pindaan terhadap kaedah penyampaian dan penilaian (sama ada yang melibatkan penggantian atau tidak diganti) yang memenuhi sekurang-kurangnya 70% hingga 80% keperluan SLT boleh dipertimbangkan sebagai telah memenuhi keperluan kredit, mencapai gred pencapaian pelajar dan hasil pembelajaran minimum yang telah ditetapkan bergantung kepada kesesuaian bidang. Berikut disertakan panduan bagi pelaksanaan serta penilaian Latihan Amali:

- 4.1.1 Bagi Latihan Amali yang telah memenuhi sekurang-kurangnya 70% keperluan SLT, tiada penggantian perlu dilakukan.
- 4.1.2 Namun, bagi Latihan Amali yang belum memenuhi sekurang-kurangnya 70% keperluan SLT, penggantian perlu dilakukan setelah tamat tempoh PKP. Penggantian ini adalah tertakluk kepada keadaan semasa yang mengizinkan.
- 4.1.3 Sekiranya tempoh PKP dilanjutkan dan keadaan semasa tidak mengizinkan, Latihan Amali yang tidak memenuhi sekurang-kurangnya 70% keperluan SLT, perlu dinilai dari aspek domain psikomotor sehingga tahap P2 sahaja. Ini melibatkan penilaian terhadap laporan serta refleksi hasil daripada tontonan video amali yang perlu dimuatnaik terlebih dahulu oleh tenaga pengajar.

4.2 Pelaksanaan dan Penilaian Aktiviti SULAM (*Service Learning Malaysia – University for Society*)

SULAM (*Service Learning Malaysia - University for Society*) merupakan suatu bentuk aktiviti pembelajaran yang dijalankan bagi mencapai objektif pembelajaran melalui khidmat komuniti. Ianya bertujuan untuk memberi pengalaman pembelajaran dengan menghubungkaitkan teori dan praktis dalam penyelesaian permasalahan sebenar yang dihadapi komuniti berteraskan konsep *Love, Happiness* dan *Mutual Respect*.

Di USIM, pelbagai inisiatif telah dirangka dan sedang dijalankan bagi memperluaskan jaringan kerjasama dengan komuniti. Aktiviti SULAM juga telah diwajibkan bagi semua program pengajian bermula tahun ini. Walau bagaimanapun, merujuk kepada situasi terkini berkaitan penularan wabak COVID-19, beberapa langkah seperti berikut adalah disarankan:

4.2.1 Aktiviti SULAM Secara Atas Talian (e-SULAM)

- 4.2.1.1 Aktiviti SULAM secara atas talian (e-SULAM) adalah digalakkan bagi bidang-bidang tertentu seperti kaunseling, dakwah, guaman, pemasaran, bahasa utama, teknologi maklumat dan lain-lain.
- 4.2.1.2 Bagi tujuan tersebut, aktiviti e-SULAM dapat dijalankan menggunakan platform media sosial atau blog yang dibangunkan khas oleh kumpulan pelajar sebagai satu kaedah mendekati masyarakat.
- 4.2.1.3 Penilaian pula boleh dilakukan dengan melihat kepada kesungguhan pelajar dalam menjalankan sesuatu aktiviti, impak aktiviti e-SULAM terhadap masyarakat, komen serta respon daripada pengikut (*followers*) dan cara pelajar mengendalikan komen serta respon di media sosial atau blog.

- 4.2.1.4 Adalah diingatkan bahawa penilaian harus menggunakan rubrik khusus yang menjelaskan secara spesifik kemahiran yang ingin dinilai. Apa jua penilaian yang dijalankan harus direkodkan sebagai bukti.
- 4.2.2 Aktiviti SULAM yang melibatkan jumlah peserta kurang 20 orang adalah **dibenarkan** selepas tamat tempoh PKP, sekiranya keadaan mengizinkan, tertakluk kepada kebenaran oleh pihak Fakulti/Pusat/Institut. Namun, langkah pencegahan daripada jangkitan virus COVID-19 sebagaimana dikeluarkan oleh KKM (**Lampiran B**) perlu sentiasa dipatuhi semasa menjalankan aktiviti SULAM.
- 4.2.3 Aktiviti SULAM yang melibatkan jumlah peserta melebihi 20 orang adalah **tidak dibenarkan** walaupun selepas tamat tempoh PKP. Ini bagi mengelakkan sebarang permasalahan terutamanya dalam situasi penularan wabak COVID-19 yang sukar diramal.

4.3 Pelaksanaan dan Penilaian Aktiviti Kokurikulum

4.3.1 Aktiviti Kokurikulum Secara Atas Talian

- 4.3.1.1 Bagi menjalankan aktiviti kokurikulum secara atas talian, tenaga pengajar boleh menggunakan pelbagai platform dan kaedah e-pembelajaran dari Jadual 1 (Perkara 2.1).
- 4.3.1.2 Penilaian pula boleh dijalankan dengan merujuk kepada senarai contoh penilaian di Jadual 3 (Perkara 3.2).
- 4.3.1.3 Apa jua aktiviti kokurikulum secara bersemuka yang digantikan dengan aktiviti kokurikulum secara atas talian perlu disetarakan dengan merujuk kepada Jadual 2 (Perkara 3.1).
- 4.3.1.4 Adalah diingatkan bahawa penilaian aktiviti kokurikulum harus menggunakan rubrik khusus yang menjelaskan secara spesifik kemahiran yang ingin dinilai. Apa jua penilaian yang diajalankan harus direkodkan sebagai bukti.
- 4.3.2 Aktiviti kokurikulum yang melibatkan jumlah peserta kurang 20 orang adalah **dibenarkan** selepas tamat tempoh PKP, sekiranya keadaan mengizinkan, tertakluk kepada kebenaran oleh pihak Pusat Pembangunan Kemahiran Insaniah USIM dan Universiti. Namun, langkah pencegahan daripada jangkitan virus COVID-19 sebagaimana dikeluarkan oleh KKM (**Lampiran B**) perlu sentiasa dipatuhi semasa menjalankan aktiviti kokurikulum.
- 4.3.3 Secara umumnya, aktiviti kokurikulum yang melibatkan jumlah peserta melebihi 20 orang adalah **tidak dibenarkan** walaupun setelah tamat tempoh PKP. Ini bagi mengelakkan sebarang permasalahan terutamanya dalam situasi penularan wabak COVID-19 yang sukar diramal.
- 4.3.4 Walau bagaimanapun, kursus-kursus kokurikulum yang tertakluk kepada pentauliahan oleh badan beruniform seperti Angkatan Tentera Malaysia, Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pertahanan Awam Malaysia dan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia memerlukan pelajar untuk menyelesaikan latihan amali dan aktiviti sampingan sebagai prasyarat pentauliahan. Oleh yang demikian, pelaksanaan latihan amali serta aktiviti sampingan adalah tertakluk kepada syarat dan peraturan oleh badan-badan beruniform berkenaan dan USIM berdasarkan situasi semasa.

5.0 PEPERIKSAAN AKHIR SECARA ATAS TALIAN DAN PELAKSANAANNYA

Merujuk kepada keadaan semasa penularan wabak COVID-19 yang sukar diramal serta pelanjutan tempoh PKP, beberapa langkah pencegahan harus dirancang bagi memastikan proses P&P tidak terjejas. Ini termasuklah merangka pelaksanaan peperiksaan akhir secara atas talian sebagai persediaan menghadapi pelanjutan tempoh PKP.

Bahagian ini merangkumi tanggungjawab pelbagai pihak bermula dari Fakulti/Pusat/Institut sehingga pelajar, dalam memastikan peperiksaan akhir secara atas talian yang dijalankan menggambarkan tujuan utamanya bagi menilai pencapaian pelajar sejajar dengan keperluan hasil pembelajaran.

5.1 Tanggungjawab Fakulti/Pusat/Institut dan/atau Tenaga Pengajar

- 5.1.1 Tenaga pengajar perlu terlebih dahulu mendapatkan maklumat berkenaan capaian internet setiap pelajar yang mendaftar sesuatu kursus.
- 5.1.2 Tenaga pengajar perlu mengadakan perbincangan mengenai kaedah penilaian/peperiksaan akhir secara atas talian yang bersesuaian dengan kemudahan capaian internet pelajar. Penentuan kaedah peperiksaan secara atas talian sama ada secara segerak (*synchronous*) atau tidak segerak (*asynchronous*) adalah tertakluk kepada persetujuan di antara tenaga pengajar dengan kesemua pelajar yang terlibat. Tenaga pengajar tidak boleh memaksa mana-mana pelajar untuk bersetuju dengan kaedah yang dicadangkan.
- 5.1.3 Bagi melaksanakan peperiksaan akhir secara atas talian, kaedah penilaian sumatif secara tidak segerak yang fleksibel adalah digalakkan. Namun, tenaga pengajar adalah tidak disarankan untuk memberi tugas yang boleh mendatangkan risiko terhadap keselamatan dan kesihatan pelajar. Ini termasuklah meninggalkan kediaman mereka, sama ada bagi tujuan melengkapkan tugas tersebut, mendapatkan data atau maklumat dan lain-lain aktiviti yang membahayakan dalam situasi kritikal ini.
- 5.1.4 Merujuk kepada kebolehcapaian pelajar USIM terhadap internet, penilaian/peperiksaan akhir secara segerak harus dihadkan kepada 40% sahaja. Penilaian/peperiksaan akhir secara formatif melalui kaedah segerak menggunakan Web 2.0 hanya boleh dijalankan sekiranya semua pelajar mempunyai capaian internet yang baik.
- 5.1.5 Apa juar kaedah penilaian/peperiksaan akhir yang ditentukan harus mematuhi Jadual 2 (Perkara 3.1) dan Jadual 3 (Perkara 3.2).
- 5.1.6 Sekiranya tenaga pengajar berhasrat untuk menggantikan peperiksaan akhir dengan penilaian berterusan, perkara berikut bolehlah dijadikan panduan:
 - i) 1 jam peperiksaan akhir bersamaan 3 - 5 jam SLT bagi penilaian berterusan
 - ii) 2 jam peperiksaan akhir bersamaan 6 - 9 jam SLT bagi penilaian berterusan
 - iii) 3 jam peperiksaan akhir bersamaan 9 - 11 jam SLT bagi penilaian berterusan
- 5.1.7 Tenaga pengajar perlu memastikan kaedah penilaian/peperiksaan akhir yang digubal menyokong secara spesifik hasil pembelajaran kursus (CLO) yang telah dipetakan kepada hasil pembelajaran program (PLO), seiring dengan keperluan standard program serta badan-badan profesional (sekiranya berkaitan).
- 5.1.8 Tenaga pengajar harus mengemukakan cadangan kaedah penilaian/peperiksaan akhir dengan mengisi **Borang Maklumat Kaedah Pelaksanaan Penilaian/Peperiksaan Akhir (Lampiran C)** berserta **Jadual Spesifikasi Ujian (Lampiran D)** kepada pihak Fakulti/Pusat/Institut. Dokumen tersebut hanya perlu diisi sekiranya tenaga pengajar memilih untuk mengadakan penilaian/peperiksaan akhir semester.
- 5.1.9 Fakulti/Pusat/Institut perlu menyemak dan memastikan kaedah penilaian/peperiksaan akhir yang dicadangkan oleh tenaga pengajar menepati kriteria pensejajaran konstruktif serta keperluan lain yang berkaitan.

- 5.1.10 Tenaga pengajar bertanggungjawab memastikan maklumat penilaian/peperiksaan akhir disebar luas dan sampai kepada semua pelajar yang terlibat. Makluman kepada pelajar harus disimpan sebagai bukti semasa proses audit kualiti, lawatan pemantauan, audit akreditasi penuh atau audit pematuhan dijalankan.
- 5.1.11 Fakulti/Pusat/Institut dan tenaga pengajar perlu merancang dan mengambil tindakan yang sewajarnya bagi membendung kemungkinan timbul masalah integriti semasa penilaian/peperiksaan akhir dijalankan, sejajar dengan keperluan Sistem Pengurusan Kualiti. Secara umumnya, tindakan pencegahan yang diambil perlu memelihara aspek *validity, reliability, security* dan *fairness* dalam pelaksanaan penilaian/peperiksaan akhir dalam situasi kritikal.
- 5.1.12 Tindakan pencegahan yang diambil bagi mengelakkan kemungkinan timbul masalah integriti semasa penilaian/peperiksaan akhir dijalankan perlu dibuktikan dengan jelas semasa proses audit kualiti, lawatan pemantauan, audit akreditasi penuh atau audit pematuhan dijalankan. Untuk itu, Fakulti/Pusat/Institut dan tenaga pengajar harus memastikan pelajar yang bakal menduduki peperiksaan akhir secara atas talian mengisi **Surat Aku Janji Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (Lampiran E)**.
- 5.1.13 Berikut merupakan saranan bagi mengelakkan kemungkinan timbul masalah integriti semasa penilaian/peperiksaan akhir dijalankan secara atas talian:
- i) Merekabentuk penilaian yang memerlukan pelajar menggunakan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) seperti mencari penyelesaian kepada masalah yang kompleks.
 - ii) Merekabentuk beberapa tugasunik yang berbeza, namun pada tahap kesukaran yang sama untuk diberikan kepada pelajar.
 - iii) Menggunakan aplikasi Turnitin bagi mengenalpasti kegiatan plagiat di kalangan pelajar.
 - iv) Membina soalan pelbagai pilihan (*Multiple Choice Question - MCQ*) dengan susunatur yang berbeza mengikut kelompok pelajar.
 - v) Menggunakan teknologi *video face capture* semasa pelajar menjawab soalan bagi melihat riak muka serta gerak geri pelajar yang mencurigakan (sekiranya ada) semasa peperiksaan akhir dijalankan.
- 5.1.14 Fakulti/Pusat/Institut dan tenaga pengajar bertanggungjawab untuk memastikan penilaian/peperiksaan akhir secara atas talian dapat dijalankan tanpa sebarang gangguan. Ini termasuklah menguji lari setiap penilaian/peperiksaan akhir yang bakal dijalankan.
- 5.1.15 Tenaga pengajar wajib merekod dan memantau kehadiran serta penglibatan pelajar dalam penilaian/peperiksaan akhir (Rujuk Perkara 6.0).
- 5.1.16 Masa yang mencukupi harus diberikan kepada pelajar untuk log masuk, menjawab soalan serta menghantar (*submit*) jawapan kepada penilaian/peperiksaan akhir, dengan mengambil kira kelajuan internet yang mungkin berbeza di setiap kawasan kediaman pelajar.
- 5.1.17 Sekiranya terdapat pelajar yang menghadapi masalah untuk menduduki penilaian/peperiksaan akhir yang telah ditetapkan atau tidak dapat mencapai soalan dan/atau tugasun yang diberikan secara *real-time* melalui kaedah segerak, pelajar tersebut harus segera dihentikan dari menduduki penilaian/peperiksaan akhir tersebut. Sebaliknya, soalan dan/atau tugasun gantian/alternatif perlu diberikan kepada pelajar berkenaan, mengikut kesesuaian masa dengan kelajuan capaian internet agar pelajar dapat mengakses dan menyiapkan tugasun/menjawab soalan.
- 5.1.18 Tenaga pengajar perlu berada dalam keadaan siap sedia (*standby*) di sepanjang tempoh penilaian/peperiksaan akhir dijalankan, termasuk 10-15 minit sebelum dan selepas, bagi mengawasi perjalanannya. Usaha ini dapat membantu mengurangkan masalah integriti di kalangan pelajar.

- 5.1.19 Apa jua rekod serta bukti yang berkaitan dengan pengendalian penilaian/peperiksaan akhir secara atas talian, termasuk soalan serta skema jawapan perlu disimpan dan dilampirkan dalam fail pengajaran.
- 5.1.20 Apa jua pindaan pada kaedah penilaian/peperiksaan akhir yang dilakukan harus dibincangkan dan diminitkan dalam mesyuarat-mesyuarat di peringkat program pengajian, Fakulti/Pusat/Institut dan Universiti.
- 5.1.21 Pusat Jaminan Kualiti, Dasar dan Kecemerlangan Akademik (QAPEX) akan memantau pelaksanaan penilaian/peperiksaan akhir secara atas talian dan menyelaras tindakan pasca krisis setelah keadaan kembali pulih dan menyediakan bukti pemantauan tersebut.

5.2 Tanggungjawab Pelajar

- 5.2.1 Pelajar harus memainkan peranan, bertindak lebih proaktif dan berusaha mencari maklumat berkaitan kursus serta tidak terlalu bergantung kepada bahan yang dibekalkan oleh tenaga pengajar dalam situasi kritikal ini.
- 5.2.2 Pelajar dinasihatkan untuk mengesahkan akaun emel Raudah USIM melalui pautan <https://bit.ly/usim365> bagi membolehkan capaian terhadap maklumat serta aktiviti pengajaran dan pembelajaran.
- 5.2.3 Pelajar harus memberi maklum balas dengan pantas apabila diperlukan dan berkomunikasi dengan tenaga pengajar dari masa ke semasa bagi menyampaikan sebarang perkembangan, maklumat serta situasi terkini yang boleh membantu kelincinan perancangan dan perjalanan penilaian/peperiksaan akhir secara atas talian.
- 5.2.4 Pelajar harus segera memaklumkan tenaga pengajar sekiranya kaedah penilaian boleh mendatangkan risiko terhadap keselamatan dan kesihatan pelajar. Ini termasuklah meninggalkan kediaman, sama ada bagi tujuan melengkapkan tugasan, mendapatkan data atau maklumat dan lain-lain aktiviti yang membahayakan diri dalam situasi kritikal ini.
- 5.2.5 Pelajar perlu berusaha mendapatkan maklumat terkini berkaitan kursus dari masa ke semasa bagi memastikan kelincinan perancangan serta urusan penilaian/peperiksaan akhir.
- 5.2.6 Pelajar perlu memastikan apa jua maklumat yang diperolehi adalah terkini dan dari sumber yang sah. Sekiranya terdapat maklumat yang meragukan, pelajar perlu memaklumkan perkara tersebut kepada tenaga pengajar dengan kadar segera.
- 5.2.7 Pelajar harus memaklumkan dengan segera kepada tenaga pengajar sekiranya menghadapi sebarang masalah yang boleh menjelaskan kelincinan perjalanan penilaian/peperiksaan, agar langkah pencegahan dapat diambil oleh tenaga pengajar.
- 5.2.8 Pelajar wajib mengisi **Surat Aku Janji Pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (Lampiran E)** dan menyerahkannya kepada tenaga pengajar sebelum menduduki penilaian/peperiksaan akhir secara atas talian.
- 5.2.9 Pelajar bertanggungjawab menghantar tugas secara pos sekiranya mengalami masalah capaian internet yang menghalang pelajar dari menghantar tugas secara atas talian. Caj perkhidmatan pos adalah di bawah tanggungan pelajar.
- 5.2.10 Pelajar mesti menyimpan bukti penghantaran tugas dan/atau jawapan penilaian/peperiksaan akhir yang dijalankan.
- 5.2.11 Pelajar disarankan agar memaklumkan kepada tenaga pengajar sekiranya tugas dan/atau jawapan penilaian/peperiksaan akhir telah selesai dihantar.

- 5.2.12 Pelajar dilarang menipu, cuba menipu, bertingkah laku yang boleh ditafsirkan sebagai menipu, membolehkan orang lain menipu, meniru atau memberi tiru.
- 5.2.13 **Garis Panduan e-Pembelajaran untuk Pelajar (Lampiran F)** boleh dirujuk bagi melengkapkan lagi maklumat berkaitan keperluan, tanggungjawab serta etika pelajar dalam penggunaan e-pembelajaran sama ada di dalam mahupun di luar kampus.

5.3 Proses Pentaksiran Soalan Peperiksaan Akhir

- 5.3.1 Bagi kursus di mana peperiksaan akhir dapat dijalankan seperti kelaziman secara bersemuka (rujuk Perkara 5.4.1), proses pentaksiran soalan peperiksaan akhir perlu dijalankan sebagaimana yang digariskan dalam Perkara 6 dan Perkara 7, Bahagian B, Garis Panduan Peperiksaan Program Pengajian Ijazah Sarjana Muda Dengan Kepujian USIM oleh Bahagian Pengurusan Akademik, BPA (2017).
- 5.3.2 Sekiranya proses pentaksiran tidak dapat dijalankan secara bersemuka, maka proses pentaksiran harus dijalankan secara atas talian dengan kawalan keselamatan yang terjamin dapat menghalang ketirisan maklumat. Apa jua langkah yang diambil harus direkod sebagai bukti semasa proses audit kualiti, lawatan pemantauan, audit akreditasi penuh atau audit pematuhan dijalankan.
- 5.3.3 Untuk itu, **Borang Perjanjian Kerahsiaan Semasa Mentaksir Soalan Peperiksaan Akhir Secara Atas Talian (Lampiran G)** perlu ditandatangani terlebih dahulu oleh semua tenaga pengajar yang terlibat dengan sesi dan/atau mesyuarat pentaksiran soalan peperiksaan secara atas talian. Pengerusi sesi/mesyuarat pentaksiran perlu memastikan hanya tenaga pengajar yang dibenarkan sahaja hadir secara maya atas undangan (*by invitation*) melalui aplikasi yang digunakan.
- 5.3.4 Adalah mustahak bagi semua tenaga pengajar serta staf yang terlibat untuk mengambil langkah berjaga-jaga serta mengawal dokumen yang ingin dikongsikan/dimuatnaik dari berlakunya ketirisan maklumat. Untuk itu, semua dokumen yang ingin dikongsikan atau dimuatnaik (soalan peperiksaan, skema jawapan, JSU dan sebagainya) harus terlebih dahulu dikawal menggunakan kata laluan (*password encrypted*) melalui kaedah berikut:

Klik “File” > “Info” > “Protect Document” > “Encrypt with Password” > Masukkan “Password” > Isi semula kata laluan (“Password”) untuk tujuan pengesahan

- 5.3.5 Tenaga pengajar harus berhati-hati ketika berkongsi kata laluan dengan tenaga pengajar yang terlibat dalam sesi pentaksiran soalan peperiksaan akhir secara atas talian.
- 5.3.6 Pengerusi sesi/mesyuarat pentaksiran soalan peperiksaan akhir perlu memastikan sesi/mesyuarat berjalan lancar dan semua komen/cadangan penambahbaikan difahami dengan jelas bagi memastikan kualiti soalan terjamin.
- 5.3.7 Pengerusi sesi/mesyuarat pentaksiran soalan peperiksaan akhir perlu memastikan **Borang Pentaksiran Soalan Peperiksaan Akhir (Lampiran H)** diisi dan ditandatangani oleh tenaga pengajar yang terlibat dalam sesi/mesyuarat pentaksiran soalan peperiksaan akhir.
- 5.3.8 Dokumen berikut perlu diserahkan kepada pegawai yang bertanggungjawab terhadap pengurusan akademik (contoh: Penolong Pendaftar (Akademik) di Fakulti/Pusat/Institut untuk simpanan di Fakulti/Pusat/Institut setelah proses pentaksiran selesai.
- i) **Borang Maklumat Kaedah Pelaksanaan Penilaian/Peperiksaan Akhir (Lampiran C)**
 - ii) **Jadual Spesifikasi Ujian (Lampiran D)**
 - iii) **Borang Perjanjian Kerahsiaan Semasa Mentaksir Soalan Peperiksaan Akhir Secara Atas Talian (Lampiran G)**
 - iv) **Borang Pentaksiran Soalan Peperiksaan Akhir (Lampiran H)**

- 5.3.9 Bagi mengelakkan ketirisan maklumat semasa berurusan secara atas talian dalam tempoh PKP dan dalam tempoh di mana pertemuan secara bersemuka tidak dibenarkan, tenaga pengajar tidak perlu menyerahkan soalan peperiksaan akhir serta skema jawapan untuk simpanan di Fakulti/Pusat/Institut. Walau bagaimanapun, soalan peperiksaan akhir serta skema jawapan yang telah ditaksir dan dikemaskini perlu disimpan dan dilampirkan dalam fail pengajaran (rujuk Perkara 5.1.19).

5.4 Pelaksanaan Peperiksaan Akhir Semester

- 5.4.1 Pelaksanaan peperiksaan akhir secara bersemuka hanya boleh dijalankan sekiranya jumlah individu termasuk tenaga pengajar, pelajar dan pengawas peperiksaan kurang dari 20 orang pada satu-satu masa, dengan memastikan langkah pencegahan daripada jangkitan virus COVID-19 sebagaimana dikeluarkan oleh KKM (**Lampiran B**) dipatuhi pada setiap masa. Namun kebenaran mengadakan peperiksaan akhir secara bersemuka adalah tertakluk kepada keadaan semasa penularan wabak COVID-19.
- 5.4.2 Pelaksanaan penilaian/peperiksaan akhir secara atas talian adalah dibenarkan dengan pematuhan terhadap garis panduan ini.
- 5.4.3 Pelaksanaan penilaian/peperiksaan akhir bagi program pengajian yang tertakluk kepada kelulusan dan akreditasi oleh Majlis Perubatan Malaysia, adalah sebagaimana digariskan dalam Perkara 10 – Perkara 14, **Panduan Pengendalian Program Pendidikan Perubatan (Ijazah Asas) Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19 bertarikh 6 April 2020 (Lampiran I)**.
- 5.4.4 Pelaksanaan penilaian/peperiksaan akhir bagi Program Senibina dan Rekabentuk Dalaman yang tertakluk kepada kelulusan dan akreditasi oleh Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia (Lembaga Arkitek Malaysia), adalah sebagaimana digariskan dalam Perkara 3.0, **Nota Khas MAPS #2-2020: Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran serta Penilaian bagi Program Senibina dan Rekabentuk Dalaman di Institusi Pengajian Tinggi dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sempena Penularan Wabak COVID-19 bertarikh 26 Mac 2020 (Lampiran J)**.

6.0 REKOD KEHADIRAN PELAJAR

“Kehadiran” pelajar yang dimaksudkan dalam panduan ringkas ini merujuk kepada penglibatan pelajar secara maya dan atas talian. Terdapat pelbagai kaedah bagi merekod kehadiran pelajar dalam sesuatu aktiviti.

Apa jua kaedah yang digunakan oleh tenaga pengajar bagi merekod kehadiran pelajar harus disimpan sebagai bukti semasa proses audit kualiti, lawatan pemantauan, audit akreditasi penuh atau audit pematuhan dijalankan. Apa jua kaedah yang digunakan juga harus dimaklumkan kepada pelajar agar isu kehadiran pelajar kurang 80% tidak timbul.

Antara kaedah merekod kehadiran yang dicadangkan adalah:

- i) Merekod nama-nama pelajar yang log masuk ke sesuatu sesi atas talian yang berlangsung secara segerak atau tidak segerak (contoh: perbincangan secara atas talian, *chat*).
- ii) Menggunakan kod QR yang perlu diimbas oleh pelajar sebelum/semasa aktiviti dijalankan.
- iii) Merekod gambar pelajar sebagai bukti keterlibatan dalam interaksi secara atas talian.
- iv) Merekod kehadiran pelajar melalui penghantaran tugas, laporan, tutorial dan lain-lain.

7.0 PENUTUP

E-pembelajaran serta pengajaran secara talian merupakan alternatif bagi memastikan kelangsungan P&P dalam apa jua situasi serta keadaan. Namun penggunaannya perlu dipandu agar semua pihak yang terbabit dapat merealisasikan fungsi masing-masing serta memperolehi manfaat daripada ilmu pengetahuan yang dikongsi dan kurikulum yang telah direkabentuk.

Justeru, adalah diharapkan agar panduan ringkas ini dapat membantu bukan sahaja pada situasi terkini, malah menjadi panduan sekiranya situasi kritikal berulang dan pembelajaran secara bersemuka dan konvensional tidak dapat dijalankan.

8.0 RUJUKAN

- 
- 8.1 Panduan Pengendalian Program Pendidikan Tinggi Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19. (2020) Agensi Kelayakan Malaysia.
 - 8.2 Garis Panduan e-Pembelajaran untuk Pelajar. (2018) Bahagian Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran, GOAL-ITQAN, Universiti Sains Islam Malaysia.
 - 8.3 Garis Panduan Pelaksanaan E-Pembelajaran: Menggantikan Mod Bersemuka (Face-to-Face). (2020) System Development and Engineering Centre & Pejabat Ketua Pegawai Maklumat, Universiti Sains Islam Malaysia.
 - 8.4 Risalah “Aktifkan Mod e-Learning. (2020) System Development and Engineering Centre, Universiti Sains Islam Malaysia.
 - 8.5 E-Learning Guidelines for Malaysian HEIs. (2014) Jabatan Pengajian Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi Malaysia.
 - 8.6 Online Teaching and Learning Guideline During COVID-19 Pandemic. (2020) Universiti Malaya.
 - 8.7 USM Online Assessment Guidelines for Remote Teaching. (2020) Universiti Sains Malaysia.
 - 8.8 Garis Panduan Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran Secara Dalam Talian. (2020) Universiti Malaysia Perlis.
 - 8.9 Nota Khas Lembaga Kaunselor (Malaysia) Bil. 1-2020: Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran di Institusi Pengajian Tinggi Sejajar dengan Perintah Kawalan Pergerakan – Krisis Wabak COVID-19 (2020) Lembaga Kaunselor Malaysia.
 - 8.10 Panduan Pengendalian Program Pendidikan Perubatan (Ijazah Asas) Semasa dan Pasca Perintah Kawalan Pergerakan COVID-19. (2020) Majlis Perubatan Malaysia.
 - 8.11 Nota Khas MAPS #2-2020: Pelaksanaan Pengajaran dan Pembelajaran serta Penilaian bagi Program Senibina dan Rekabentuk Dalaman di Institusi Pengajian Tinggi dalam Tempoh Perintah Kawalan Pergerakan sempena Penularan Wabak COVID-19. (2020) Majlis Akreditasi dan Pendidikan Senibina Malaysia, Lembaga Arkitek Malaysia.
 - 8.12 Learning and Teaching @ UTM. (2020) Universiti Teknologi Malaysia.



LAMPIRAN



PERANCANGAN DAN PENSETARAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SECARA ATAS TALIAN

BAHAGIAN A: MAKLUMAT KURSUS	
NAMA KURSUS:	
KOD KURSUS:	
NAMA PENSYARAH / PENYELARAS KURSUS:	
FAKULTI / PUSAT / INSTITUT:	
SEMESTER / SESI AKADEMIK:	

Panduan mengisi:

- 1) Sila isi maklumat mengikut bilangan CLO kursus.
- 2) Pastikan pindaan kaedah penyampaian, aktiviti dan penilaian/pentaksiran P&P tidak melibatkan perubahan CLO.
- 3) Sekiranya pindaan melibatkan perubahan pada SLT, sila buat pindaan pada Course Outline agar maklumat adalah sama dengan maklumat dalam dokumen ini.

BAHAGIAN B: PERANCANGAN DAN PENSETARAAN KADEAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN									
CLO	LO	Pernyataan CLO Berdasarkan Rangka Kursus (Course Outline)	Perancangan P&P Secara F2F	Pelaksanaan P&P secara F2F yang telah SELESAI	Peruntukan Masa untuk P&P Secara Atas Talian				
					Aktiviti P&P	Komponen/ Kaedah	Masa Aktiviti (a)	Masa Persediaan (b)	
CLO1	LO1	Isi maklumat CLO sepetimana dalam Course Outline di sini	Contoh: 30	Contoh: 27	Interaksi atas talian secara segerak (synchronous) menggunakan Google Meet	15 minit x 2 = 30 minit	15 minit x 2 = 30 minit	30 minit + 30 minit = 1 jam	
					Kuiz atas talian	Kuiz secara segerak (synchronous) melalui GOALS	30 minit	1 jam 30 minit	
JUMLAH SLT								3 jam	
CLO2	LO5	Isi maklumat CLO sepetimana dalam Course Outline di sini	Contoh: 35	Contoh: 30.5	Kolaborasi pembelajaran secara berkumpulan (PBL)	Kolaborasi pembelajaran secara segerak (synchronous)	30 minit	30 minit	30 minit + 30 minit = 1 jam
					Sesi pembentangan berkumpulan secara atas talian secara segerak (synchronous)	10 minit	1 jam	10 minit + 1 jam = 1 jam 10 minit	
					Tugasan penyediaan video secara berkumpulan	Tugasan penyediaan video berkumpulan, secara tidak segerak (asynchronous)	10 minit x 2	1 jam x 2	20 minit + 2 jam = 2 jam 20 minit
JUMLAH SLT								4 jam 30 minit	
CLO3	LOX	Isi maklumat CLO sepetimana dalam Course Outline di sini	Lengkapkan	Lengkapkan	Lengkapkan	Lengkapkan	Lengkapkan	Lengkapkan	
JUMLAH SLT									
CLO4	LOX	Isi maklumat CLO sepetimana dalam Course Outline di sini	Lengkapkan	Lengkapkan	Lengkapkan	Lengkapkan	Lengkapkan	Lengkapkan	
JUMLAH SLT									

BAHAGIAN C: PERANCANGAN DAN PENSETARAAN KAEDEAH PENILAIAN DAN PENSETARAAN						
Penilaian Berterusan						
CLO	LO	Penilaian Berdasarkan Rangka Kursus (Course Outline) ASAL	Status Pelaksanaan [Tandakan (/) jika SELESAI atau (X) jika BELUM SELESAI]	(*) Perancangan Penggantian/Pensetaraan	Pemberat (%)	Jumlah SLT
CLO1	LO1	Contoh: Kuiz	/	-	15	30 minit
CLO2	LO5	Contoh: PBL	X	Kolaborasi pembelajaran secara segerak (<i>synchronous</i>)	10	30 minit
		Contoh: Pembentangan berkumpulan	X	Sesi pembentangan berkumpulan secara atas talian secara segerak (<i>synchronous</i>)	10	10 minit
		Contoh: Tugasan penyediaan video berkumpulan	X	Tugasan penyediaan video berkumpulan, secara tidak segerak (<i>asynchronous</i>)	10	10 minit
CLO3	LO6	Contoh: Reka bentuk projek	X	Penyerahan secara atas talian (<i>asynchronous</i>)	10	7 jam
Penilaian Sumatif						
CLO1 CLO3	LO1 LO6	Contoh: Peperiksaan Akhir	X	<i>Open book test</i> secara atas talian (<i>synchronous</i>)	45	3 jam

(*) Perancangan Penggantian/Pensetaraan perlu dijalankan sekiranya penilaian dan pentaksiran berstatus BELUM SELESAI (X)

PENGESAHAN	
Disediakan oleh: Tandatangan: Nama & cop rasmi: Tarikh:	Disahkan oleh: Tandatangan: Nama & cop rasmi: Tarikh:



BASIC PROTECTIVE MEASURES AGAINST THE NEW CORONAVIRUS

Wash Your Hands Frequently	Practice Respiratory Hygiene	Maintain Social Distancing	Avoid Touching Eyes, Nose & Mouth	If You Have Fever, Cough & Difficulty Breathing, Seek Medical Care Early	If You Have Mild Respiratory Symptoms & No Travel History To or Within China	Precaution, Practice General Hygiene Measures When Visiting Live Animal Markets, Wet Markets or Animal Product Markets	Avoid Consumption of Raw or Undercooked Animal Products
 <p>Washing your hands with an alcohol-based hand rub or soap and water kills the virus if it is on your hands.</p>	 <p>Covering your mouth and nose when coughing and sneezing prevent the spread of germs and viruses. If you sneeze or cough into your hands, you may contaminate objects or people that you touch.</p>	 <p>Maintain at least 1 metre (3 feet) distance between yourself and other people, particularly those who are coughing, sneezing and have a fever.</p>	 <p>Hands touch many surfaces which can be contaminated with the virus. If you touch your eyes, nose or mouth with your contaminated hands, you can transfer the virus from the surface to yourself.</p>	 <p>Whenever you have fever, cough and difficulty breathing it's important to seek medical attention promptly as this may be due to a respiratory infection or other serious condition. Respiratory symptoms with fever can have a range of causes, and depending on your personal travel history and circumstances, COVID-19 could be one of them.</p>	 <p>Carefully practice basic respiratory and hand hygiene and stay home until you are recovered, if possible.</p>	 <p>Avoid contact with potentially contaminated animal waste or fluids on the soil or structures of shops and market facilities.</p>	 <p>Handle raw meat, milk or animal organs with care, to avoid cross-contamination with uncooked foods, as per good food safety practices.</p>

Sumber: WHO

**PROTECT
YOURSELF AND OTHERS
FROM GETTING SICK!**





**BORANG MAKLUMAT KADEAH PELAKSANAAN PENILAIAN/PEPERIKSAAN AKHIR SECARA
ATAS TALIAN
SEMESTER II, SESI AKADEMIK 2019/2020**

BAHAGIAN A: MAKLUMAT KURSUS	
NAMA KURSUS:	
KOD KURSUS:	
NAMA PENSYARAH / PENYELARAS KURSUS:	
FAKULTI / PUSAT / INSTITUT:	
SEMESTER / SESI AKADEMIK:	

Panduan mengisi:

- 1) Borang ini hanya perlu diisi oleh tenaga pengajar yang memilih untuk mengadakan penilaian/peperiksaan akhir semester
- 2) Sila pastikan maklumat yang diisi selaras dengan Jadual Spesifikasi Ujian dan Perancangan dan Persetaraan Pengajaran dan Pembelajaran Secara Atas Talian

BAHAGIAN B: MAKLUMAT PENILAIAN/PEPERIKSAAN AKHIR		
BIL	PERKARA	PERINCIAN
1.	Kaedah peperiksaan akhir atas talian	Contoh: Open book, secara tidak segerak (<i>asynchronous</i>)
2.	Bentuk soalan	Contoh: Soalan berstruktur
3.	Bilangan soalan	Contoh: 5 soalan
4.	Tempoh penilaian/peperiksaan	Contoh: 3 jam
5.	Platform atas talian untuk penghantaran soalan (oleh tenaga pengajar)	Contoh: GOALS
6.	Kaedah penyerahan jawapan (oleh pelajar)	Contoh: GOALS

Tandatangan Penyelaras/Pensyarah/Tenaga Pengajar:

Nama dan Cop rasmi:

Tarikh:

**JADUAL SPESIFIKASI UJIAN**

FAKULTI: _____
PROGRAM: _____

A. MAKLUMAT KURSUS

Nama Kursus: _____ Kod Kursus: _____ Jam Kredit: _____
 Hasil Pembelajaran Kursus: _____
 CLO1: _____
 CLO2: _____
 CLO3: _____
 CLO4: _____
 CLO5: _____

B. MAKLUMAT UJIAN/PEPERIKSAAN

Jenis Ujian/Peperiksaan: _____

Tempoh Ujian/Peperiksaan: _____ Pemberat Penilaian Berterusan (%): _____ Pemberat Peperiksaan Akhir (%): _____

JENIS SOALAN	BILANGAN	JUMLAH MARKAH
Soalan Pelbagai Pilihan (MCQ)		
Soalan Berstruktur/ Soalan Pendek		
Soalan Esei		

TAHAP SOALAN	MUDAH	SEDERHANA	SUKAR
Tahap Kognitif	C1-C2	C3-C4	C5-C6
Peratus Markah			

JADUAL PEMETAAN TAJUK KULIAH KEPADA CLO DAN TAHP KOGNITIF SOALAN

BIL.	TAJUK KULIAH	PEMETAAN KEPADA HASIL PEMBELAJARAN KURSUS (CLO)	TAHAP KOGNITIF											
			C1		C2		C3		C4		C5		C6	
NOMBOR SOALAN	MARKAH	NOMBOR SOALAN	MARKAH	NOMBOR SOALAN	MARKAH	NOMBOR SOALAN	MARKAH	NOMBOR SOALAN	MARKAH	NOMBOR SOALAN	MARKAH	NOMBOR SOALAN	MARKAH	
1.			5						10					
2.				6		3		6						
3.									5		5		5	
4.						8		2		4				
5.				2		4								
6.									3		2		5	
7.			5		5									
8.						3		2		2		3		
9.														
10.											3		2	
	TOTAL			10		13		18		28		16		15

100


Disediakan oleh:

Tandatangan Penyelaras/Pensyarah/Tenaga Pengajar:

Nama dan cop rasmi:

Tarikh:

Tahap Kognitif	Peratus Markah (%)
C1	10
C2	13
C3	18
C4	28
C5	16
C6	15





**SURAT AKU JANJI PELAJAR
UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA**

Bahawasanya saya, _____ No. Kad Pengenalan: _____, dengan sesungguhnya dan sebenarnya berjanji bahawa saya akan berusaha sedaya upaya untuk mencapai kecemerlangan dalam ilmu dan akan sentiasa mempertingkatkan budi pekerti yang mulia.

Saya juga faham bahawa saya tertakluk kepada Kaedah 1(b) dan Kaedah 8 Kaedah-Kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009. Sekiranya didapati bersalah saya akan dihukum mengikut Kaedah-Kaedah Universiti (Tatatertib Pelajar-Pelajar) 2009 mengikut keputusan Pihak Berkuasa Tatatertib Universiti sebagaimana yang dinyatakan dalam Perkara 28 Peraturan Pengajian.

Saya berjanji akan mematuhi semua undang-undang dan peraturan semasa menduduki peperiksaan, statut, peraturan-peraturan, kaedah-kaedah dan apa-apa arahan yang terpakai kepada pelajar-pelajar Universiti Sains Islam Malaysia yang dibuat dari semasa ke semasa sepanjang saya menjadi pelajar Universiti. Maka dengan ini saya berjanji bahawa saya antara lain:

- (i) Tidak akan menipu, cuba menipu, bertingkah laku yang boleh ditafsirkan sebagai menipu, membolehkan orang lain menipu, meniru atau memberi tiru.
- (ii) Tidak akan membawa bersama (buku, kertas, gambar, bekas alat tulis) selain daripada bahan-bahan yang dibenarkan dalam sesuatu peperiksaan berkenaan atau yang dibenarkan.
- (iii) Tidak akan mengambil gambar soalan dan buku jawapan/kertas jawapan sama ada yang belum atau sudah digunakan.
- (iv) Tidak akan berhubung dengan calon lain semasa peperiksaan berlangsung.
- (v) Tidak akan mula menjawab soalan peperiksaan sebelum waktu yang ditetapkan atau masih menulis selepas waktu peperiksaan tamat.

Saya bersetuju akan mematuhi etika dan tatatertib pelajar seperti yang ditetapkan di dalam AUKU Universiti Sains Islam Malaysia dan berjanji akan patuh sepanjang tempoh pengajian di Universiti Sains Islam Malaysia. Saya sedar bahawa jika saya melanggar peraturan-peraturan yang telah ditetapkan oleh pihak Universiti, pihak Universiti berhak mengambil sebarang tindakan yang sewajarnya terhadap saya pada bila-bila masa sepanjang pengajian saya.

(Tandatangan Pelajar)

Nama Pelajar : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Fakulti/Pusat/Institut : _____

GARIS PANDUAN E-PEMBELAJARAN UNTUK PELAJAR

GARIS PANDUAN E-PEMBELAJARAN UNTUK PELAJAR



- GARIS PANDUAN INI MENERANGKAN PERANAN DAN TANGGUNGJAWAB PELAJAR DALAM PENGGUNAAN E-PEMBELAJARAN USIM SAMA ADA DI DALAM ATAU DI LUAR KAMPUS.

1. Menggunakan portal e-Pembelajaran di USIM untuk aktiviti pembelajaran dan pengajaran dari semasa ke semasa.

2. Bertanggungjawab mendapatkan pengetahuan dan kemahiran berkenaan e-Pembelajaran (contoh: melalui kursus, hebahan dan latihan).

3. Menggunakan ID pelajar dan kata laluan iStudent Portal untuk log masuk ke sistem e-Pembelajaran USIM.

4. Memastikan bahawa semua kursus berkenaan, yang didaftarkan di iStudent portal dipaparkan dengan tepat dalam GOALS.

*Sebarang masalah boleh dirujuk kepada Fakulti dan BPA.

5. Memastikan nota kuliah dan dokumen yang berkaitan boleh dicapai melalui portal e-Pembelajaran.

*Maklumkan kepada pegawai akademik yang berkaitan sekiranya nota kuliah tidak dapat dicapai.

6. Memastikan setiap fail yang dimuat naik adalah bebas daripada virus dan unsur plagiat.

7. Menyimpan satu salinan setiap tugas yang dimuat naik untuk rekod dan semakan bila diperlukan.

8. Membuat penilaian pengajaran melalui sistem e-Nilai untuk setiap kursus dan pengajar pada setiap semester.

9. ETIKA PENGGUNAAN E-PEMBELAJARAN:

Menggunakan portal e-Pembelajaran USIM hanya untuk tujuan pembelajaran.

Memastikan keselamatan ID pelajar dan kata laluan.

Menggunakan portal e-Pembelajaran dengan bahasa yang formal dan berhemah seperti tidak mengeluarkan kata-kata kesat, menyentuh isu-isu perkauman dan sebagainya.

Tidak berkongsi sebarang dokumen e-Pembelajaran dengan mana-mana organisasi dan institusi lain, kecuali dengan kebenaran bertulis daripada USIM.

Tidak terlibat dengan aktiviti yang tidak beretika seperti menceroboh ke dalam portal e-Pembelajaran.

Tidak melakukan sebarang perlakuan yang dianggap tidak beretika dan boleh menjatuhkan nama baik universiti.

Tindakan yang bersesuaian akan diambil ke atas pelajar sekiranya berlaku perlanggaran etika (10.3 – 10.6) mengikut Seksyen 8, Bahagian II, Tata tertib Am, Kaedah-kaedah Universiti Sains Islam Malaysia (Tata tertib Pelajar-Pelajar) 2009.

*Berdasarkan Garis Panduan E-Pembelajaran yang diluluskan Senat pada 4 April 2018



BORANG PERJANJIAN KERAHSIAAN SEMASA MENTAKSIR SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR SECARA ATAS TALIAN

Saya _____ No. Kad Pengenalan: _____ dari **UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA** adalah dengan sesungguhnya dan sebenarnya mengisyiharkan bahawa:

- i. Saya tidak akan bersubahat dengan mana-mana pihak sehingga boleh menjelaskan ketulusan dan keadilan semasa proses pentaksiran soalan peperiksaan akhir secara atas talian dijalankan;
- ii. Saya tidak akan mendedahkan apa-apa maklumat sulit berkaitan soalan peperiksaan akhir semester yang ditaksir kepada mana-mana pihak selaras dengan Akta Rahsia Rasmi 1972 [Akta 88];
- iii. Saya dengan ini mengisyiharkan bahawa tiada mana-mana anggota atau ahli keluarga terdekat yang mempunyai apa-apa kepentingan dalam mana-mana urusan pentaksiran soalan peperiksaan akhir secara atas talian ini; dan
- iv. Saya sesungguhnya faham bahawa jika saya melanggar mana-mana terma dalam surat perjanjian ini, saya boleh dikenakan tindakan sewajarnya oleh pihak Universiti Sains Islam Malaysia.

(Tandatangan Pensyarah/Penyelaras/Tenaga Pengajar)

Nama : _____

Jawatan : _____

No. Kad Pengenalan : _____

Tarikh : _____



**BORANG PENTAKSIRAN
SOALAN PEPERIKSAAN AKHIR**

BAHAGIAN A: MAKLUMAT KURSUS	
SEMESTER / SESI AKADEMIK:	
NAMA KURSUS:	
KOD KURSUS:	
NAMA PENSYARAH / PENYELARAS KURSUS:	
PROGRAM:	
FAKULTI / PUSAT / INSTITUT:	

BAHAGIAN B: SENARAI SEMAK KESESUAIAN SOALAN

Tandakan (/) pada ruang yang berkenaan

ISI KANDUNGAN	SESUAI	TIDAK SESUAI	CATATAN
Keseluruhan standard soalan			
Mencerminkan hasil pembelajaran kursus			
Menepati isi kandungan kursus			
Tempoh masa yang diperuntukan			
Laras bahasa/ejaan/istilah yang digunakan			
Keseragaman format dan soalan			
Agihan dan jumlah markah			
Kesesuaian dengan Skema Jawapan (Sila sertakan Skema Jawapan)			
Kesesuaian dengan Jadual Spesifikasi Ujian (Sila sertakan Jadual Spesifikasi Ujian)			

BAHAGIAN C: PENGESAHAN

Tandakan (/) pada ruang yang berkenaan

Kami telah menyemak kertas soalan ini dan mengesahkan ianya:

- Sesuai dicetak tanpa sebarang pindaan
- Sesuai dicetak tertakluk kepada pembetulan seperti yang dicadangkan
- Tidak menepati standard, perlu digubal dan ditaksir semula

JAWATANKUASA PENTAKSIRAN

Pengerusi :

(Nama)

(Tandatangan)

Ahli 1 :

(Nama)

(Tandatangan)

Ahli 2 :

(Nama)

(Tandatangan)

**KERATAN PANDUAN PENGENDALIAN PROGRAM PENDIDIKAN PERUBATAN (IJAZAH ASAS)
SEMASA DAN PASCA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN COVID-19
BERTARIKH 6 APRIL 2020**

LATIHAN INDUSTRI

9. Tidak berkaitan.

PENILAIAN PELAJAR

10. Peperiksaan akhir digantikan dengan lain-lain bentuk penilaian pelajar seperti peperiksaan secara *online*, tugas dan sebagainya.

Peperiksaan akhir di kampus boleh digantikan dengan kaedah penilaian yang lain seperti *take-home-exam*, *open-book-exam*, peperiksaan secara *online*, tugas akhir dan sebagainya. Namun kelonggaran ini diberikan kepada bidang Sains Asas (praklinikal) dan Kemahiran Insaniah (*generic skills*). PPT perlu memastikan mekanisma penilaian yang digunakan dapat mengukur pencapaian pelajar secara individu. Prinsip utama adalah kaedah terbabit dapat mengukur pencapaian pelajar berdasarkan hasil pembelajaran yang ditetapkan serta memelihara sebaik aspek *validity*, *reliability*, *security* dan *fairness* dalam pelaksanaan berdasarkan situasi semasa. PPT perlu membuktikan aspek tersebut semasa lawatan pemantauan atau akreditasi penuh.

Pada prinsipnya penilaian kemahiran klinikal dan kemahiran melakukan prosedur **TIDAK BOLEH** diganti dengan penilaian atas talian. Walau bagaimanapun kelonggaran boleh diberi untuk perlaksanaan penilaian kemahiran klinikal Tahap 3 'Show how' masih boleh dilakukan secara *real time* atau *non real time* (*recorded*) (cadangan Tahap 4 'Does' untuk menilai kompetensi spesifik contohnya history taking masih boleh dibuat secara 'live' (*real timed*) dengan **SYARAT** institusi mempunyai **kepakaran** dan **fasiliti** yang lengkap untuk menyokong perlaksanaan tersebut dan juga institusi perlu **membuktikan** bahawa perlaksanaan penilaian kemahiran klinikal dilakukan adalah *valid*, *reliable*, *secure* dan *fair*.

11. Peperiksaan akhir tidak dilaksanakan dan tidak diganti dengan lain-lain bentuk penilaian pelajar.

TIDAK DIBENARKAN.

12. Peperiksaan akhir pelajar tahun akhir.

Jika PKP diteruskan atau perhimpunan besar tidak dibenarkan sehingga

hujung tahun 2020, maka peperiksaan akhir pelajar perlu dibuat mengikut kaedah *Scenario Based Clinical Examination* tanpa melibatkan pesakit.

13. Penggantian gred pemarkahan kepada Lulus/Gagal dan Kemajuan Pengajian.

Penggantian gred pemarkahan kepada Lulus/Gagal, secara dasarnya bergantung kepada tahap penawaran kursus. Bagi kursus Tahun 1 hingga Tahun 4, PPT boleh memberi keputusan **kelulusan bersyarat**. Pelajar boleh dibenarkan meneruskan pengajian keperingkat seterusnya berdasarkan peperiksaan akhir semester. Mana-mana komponen (klinikal atau praktikal) yang tidak dinilai semasa Perintah Kawalan Pergerakan hendaklah dijalankan apabila tamat atau pasca Perintah Kawalan Pergerakan.

14. Pengendalian sesi pengajaran-pembelajaran dan peperiksaan semasa dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan.

Majlis Perubatan Malaysia juga memberi fleksibiliti penggunaan pesakit simulasi bagi menggantikan pesakit sebenar semasa dan pasca Perintah Kawalan Pergerakan dengan syarat procedur berkaitan keselamatan pelajar dan pesakit simulasi dipatuhi. Kebenaran ini diberi dalam masa 6 bulan selepas pasca Perintah Kawalan Pergerakan. Tempoh sebenar fasa pasca Perintah Kawalan Pergerakan mungkin berubah dan akan dimaklum kepada PPT dari semasa ke semasa.

Pusat Jaminan Kualiti Dalaman PPT dikehendaki **memantau perlaksanaan semasa Perintah Kawalan Pergerakan dan menyelaras tindakan pasca krisis setelah keadaan kembali pulih** dan menyediakan bukti pemantauan tersebut.

PENYELARASAN SISTEM SEMESTER

15. Penyusunan kursus-kursus yang melibatkan semester panjang dan semester pendek.

PPT perlu menguruskan secara bersesuaian penamatan semester pengajian semasa dan seterusnya penawaran semester baharu. Adalah dinasihatkan untuk PPT mengelakkan berlaku pertindihan semester pengajian.

Bagi membolehkan pelajar kembali kepada landasan kemajuan pengajian

**KERATAN NOTA KHAS MAPS #2-2020: PELAKSANAAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN SERTA PENILAIAN BAGI PROGRAM SENIBINA DAN REKABENTUK DALAMAN DI INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI DALAM TEMPOH PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN SEMPENA PENULARAN WABAK COVID-19
BERTARIKH 26 MAC 2020**

- 2.5 Selain dari perkara 2.4 di atas, pengkuliahan, pertemuan, dan pembelajaran boleh dilaksanakan secara atas talian (*online*) menerusi pelbagai platform dan bentuk tertakluk kepada keadaan dan keperluan sesuatu sesi P&P yang berkenaan.

3.0 PELAKSANAAN PENILAIAN DAN PEPERIKSAAN

- 3.1 Kebanyakan program pengajian senibina dan rekabentuk dalaman tidak mempunyai elemen peperiksaan formal dan bertulis. Hanya sekitar 15 hingga 20 peratus sahaja dalam kurikulum senibina mempunyai elemen peperiksaan akhir berbentuk formal dan bertulis. Selebihnya adalah kursus-kursus tanpa peperiksaan (*non-examinable courses*).
- 3.2 Pengendalian penilaian dan peperiksaan semua **kursus bukan-rekabentuk** (*non-design courses*) dalam tempoh PKP ini perlu mematuhi apa juga panduan dan arahan yang dikeluarkan oleh KPT, MQA, dan IPT masing-masing. MAPS boleh membenarkan penggantian peperiksaan formal kepada kaedah penilaian lain seperti peperiksaan atas talian dari rumah, peperiksaan di rumah dalam waktu yang ditetapkan, atau dijadikan tugas khas dengan tempoh dan waktu serahan yang ditetapkan (asalkan agihan permarkahan kekal seperti yang tertakluk dalam informasi kursus).
- 3.3 Manakala pengendalian penilaian semua **kursus rekabentuk** (*design courses*) perlulah dipandu oleh peruntukan standard yang ditetapkan dalam *Manual of Accreditation for Architecture Programme* (MAAP), 2013 dan *Policy and Procedures for Accreditation of Interior Design Programme* (PAID), 2019.
- 3.4 MAAP (2013: 21) dan PAID (2019: 21) menetapkan dalam item (ii) subseksyen 3.2.3 bahawa penilaian semua projek utama (*major*) Studio Rekabentuk dilaksanakan secara kolektif oleh sekurang-kurangnya dua (2) orang staf akademik berkelayakan.
- 3.5 Kelonggaran diberikan kepada PPS/PPD di mana sekurang-kurang satu (1) kali penilaian akhir pada penghujung projek utama boleh diterima sebagai memadai dan ini mestilah dilaksanakan secara kolektif menerusi atas talian oleh tidak kurang dari (2) orang staf akademik.
- 3.6 Sesi P&P bersemuka dalam aspek perundingan satu-sama-satu antara pensyarah dan pelajar yang kerap diadakan di studio rekabentuk boleh dilaksanakan di atas talian. Pelbagai kaedah boleh digunakan, sama ada dalam bentuk segerak atau sinkroni (*synchronous*) ataupun tak segerak atau asinkroni (*asynchronous*). Antara platform sinkroni yang boleh digunakan termasuk video Whatsapp, Facetime, Skype dan Zoom. Sementara platform asinkroni termasuklah emel, platform mesej seperti Whatsapp, Google Chat dan

Messenger, pelbagai platform pembelajaran atas talian seperti e-Learning, MOOC, Moodle, dan sebagainya. Kesesuaian sesuatu platform yang digunakan perlulah mengambil kira aspek keupayaan peralatan, kebolehcapaian dan kebergantungan yang diperlukan dalam aktiviti P&P atas talian yang berkenaan. Kebanyakan platform asinkroni berkeupayaan menyediakan sesi perbincangan atas talian bagi gerak kerja berkumpulan.

4.0 LATIHAN PRAKTIKAL DAN PENGALAMAN BEKERJA MINIMUM

Salah satu elemen penting dalam sistem pengajian rekabentuk dalaman adalah 'latihan praktikal' yang terkandung dalam kurikulumnya dan bagi senibina adalah 'pengalaman bekerja minimum' sebagai syarat kemasukan ke pengajian peringkat LAM Bahagian II. Penjelasan mengenai kedua-duanya adalah seperti berikut:

4.1 Latihan Praktikal untuk program Rekabentuk Dalaman:

Subseksyen 3.2.2(iii) dalam PAID (2019) menetapkan perkara berikut: Latihan Praktikal memberi peluang kepada pelajar untuk memperoleh pengalaman dalam praktis rekabentuk dalaman dan industri pembinaan. Keperluan Latihan Praktikal di industri pembinaan dalam tempoh tidak kurang dari 6 bulan yang ditadbir urus oleh PPD ini sebaik-baiknya diberikan skop kerja rekabentuk dalaman, diselia oleh Perekabentuk Dalaman atau Arkitek berdaftar, adalah mandatori ke atas semua pelajar sebelum mereka memasuki semester bergraduat (semester akhir). Latihan Praktikal ini perlu dilaksanakan selepas tamat pengajian Tahun Kedua dan hendaklah selesai sebelum pelajar menyertai semester akhir. Beberapa kemungkinan boleh diteroka oleh PPD seperti mana contoh berikut:

- 4.1.1 Menjalankan Latihan Paktikal untuk suatu tempoh yang munasabah dan termampu mengambil kira keadaan yang terkekang; atau
- 4.1.2 Menggantikan Latihan Praktikal dengan menetapkan pelajar supaya menyediakan satu kertas kajian atau 'kajian topikal' yang berfokus kepada isu dan cabaran dalam dunia praktis rekabentuk dalaman dan hubungannya dengan industri pembinaan; atau
- 4.1.3 Menjalani Latihan Praktikal bagi mana-mana firma atau individu Perekabentuk Dalaman berdaftar dari dalam atau luar negara menerusi mod bekerja dari rumah yang dibuat secara formal dan lantikannya dibuat secara sah dan bersurat dimana aktiviti kerja setiap hari direkodkan dan portfolio kerja disimpan secara bersistematis; atau
- 4.1.4 Menggabungkan kaedah yang dinyatakan antara mana-mana dua dari subperkara 4.1.1, 4.1.2, dan 4.1.3; atau
- 4.1.5 Menangguhkan serta menyesuaikan penempatan Latihan Praktikal ke satu masa yang selesa kepada PPD dan pelajar berkenaan, dan sekiranya diperlukan, PPD membenarkan mereka melaksanakannya pada semester akhir pengajian; atau
- 4.1.6 Selain dari yang dinyatakan dalam subperkara 4.1.1 hingga 4.1.5 di atas, pihak PPD dialu-alukan untuk menggunakan kebijaksanaan mereka dalam mengolah semula keperluan Latihan Praktikal yang membabitkan elemen klien, penaung (*patron*), komuniti, dan usaha pemberdayaan